

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah sistematik yang diambil Kementerian bagi menguruskan bahan buangan klinikal yang telah meningkat sebanyak 111.94% berbanding tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan beberapa langkah sistematik bagi mengatasi buangan klinikal yang semakin bertambah dalam tempoh wabak COVID-19 antaranya:

- (i) memudahcara bagi tujuan melupuskan lambakan buangan klinikal dengan memberi kebenaran pemakaian peralatan tambahan di bawah peruntukan Seksyen 34, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974):
 - (a) **pemakaian *mobile incinerator* kepada 3 Syarikat Konsesi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu Radicare (M) Sdn Bhd (2 unit), Medivest Sdn Bhd (1 unit) dan Sedafiat Sdn Bhd (2 unit);**
 - (b) **pemakaian peralatan *mikrowave* kepada Sedafiat Sdn Bhd;**
- (ii) memberi **kebenaran penstoran sementara** buangan klinikal di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974 kepada Syarikat Konsesi di bawah KKM iaitu **Sedafiat Sdn Bhd., Radicare (M) Sdn Bhd.** dan Medivest Sdn. Bhd. telah diluluskan;
- (iii) meminta **Syarikat Kualiti Alam Sdn Bhd. membantu melupuskan lambakan buangan klinikal dari Radicare dan Medivest. Pihak Kualiti Alam** juga telah diberi kebenaran pertambahan kapasiti penstoran buangan klinikal; dan

SOALAN NO : 33

- (iv) memberi **kebenaran penghantaran lambakan buangan klinikal** di Wilayah Persekutuan Labuan dan Loji Sedafiat Lok Kawi, Sabah ke Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. di mana Kerajaan Negeri Sarawak melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MINTRED) telah memberi kebenaran bagi tempoh 16 Julai 2021 sehingga 31 Julai 2022.
- Terdahulu, kebenaran juga telah diberikan kepada Loji Sedafiat Lok Kawi (Sabah) bagi penghantaran lambakan ke Kualiti Alam bagi tempoh 24 Nov 2020 hingga 20 Januari 2021 yang melibatkan 71 buah kontena (369,650.64 MT).

Selain daripada itu, JAS turut mengambil langkah-langkah tambahan seperti berikut:

- (i) memberi opsyen-opsyen bagi penghantaran lambakan buangan klinikal di premis Syarikat Konsesi di bawah KKM iaitu Radicare (M) Sdn Bhd. ke Berjaya Enviro Parks Sdn Bhd. sejak 30 Julai 2021;
- (ii) memohon KKM mengkelaskan semula sisa lebihan makanan/bekas makanan daripada Pusat Kuarantin COVID-19 yang menyumbang 50% peningkatan buangan klinikal di Malaysia. Sehubungan itu, pihak KKM telah meneliti semula perkara ini dan satu SOP mengenai Pengurusan Buangan dari Pusat Kuarantin telahpun dikeluarkan oleh KKM pada 24 Ogos 2021 bagi mengkelaskan sisa makanan dan bekas makanan dari Pusat-pusat Kuarantin sebagai sisa pepejal dan bukan sisa klinikal; dan
- (iii) menguar-uarkan pengurusan buangan klinikal secara selamat melalui saluran media kepada semua fasiliti kesihatan dan orang awam.

Sekian, terima kasih.